

Tarikh Dibaca: 1 Syawwal 1447H



KHUTBAH EIDULFITRI

Tajuk:

“SYAWWAL PERMULAAN BARU”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"SYAWWAL PERMULAAN BARU"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ

الْكَافِرُونَ، وَلَوْ كَرِهَ الْفَاسِقُونَ، وَلَوْ كَرِهَ الظَّالِمُونَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ

وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ

الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَيْتُكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ.¹

¹ Al-Baqarah: 185.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hadirin Muslimin-Muslimat yang dikasihi Allah SWT,

Pada pagi Eidulfitri yang mulia dan penuh keberkatan ini, marilah kita bersama-sama meningkatkan rasa syukur serta memperkukuhkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala perkara yang dilarang-Nya. Mudah-mudahan kita semua dikurniakan keberkatan, perlindungan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

² Ali-Imran: 102.

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah Eidulfitri pada tahun ini yang bertajuk, "**SYAWWAL PERMULAAN BARU**".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hadirin Muslimin-Muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Hari ini tibanya 1 Syawal, bergemalah takbir dan tahmid memuji kebesaran Allah SWT. Bertakbir dan bertahmid sebagai tanda syukur atas nikmat berhari raya dan nikmat menyempurnakan kewajipan berpuasa di bulan Ramadhan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang telah dibacakan di awal khutbah bermaksud:

"(Dengan ketetapan demikian) Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya (sebulan Ramadhan), dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu semoga kamu bersyukur."

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin-Muslimat yang berbahagia,

Islam adalah agama yang agung. Ia mendidik umatnya supaya sentiasa membesarkan dan mengagungkan Allah SWT dengan segala sifat kesempurnaan-Nya. Ramadhan yang telah kita lalui sepanjang sebulan yang

lalu merupakan madrasah tarbiah yang mendidik hati kita supaya tunduk dan patuh kepada kebesaran Allah SWT.

Sesungguhnya manusia tidak sepatutnya membesarkan atau mengagungkan sesuatu yang lain selain daripada Allah SWT. Tiada yang lebih besar, lebih agung dan lebih berkuasa selain Allah SWT. Oleh sebab itu, pada pagi Eidulfitri ini kita diperintahkan untuk bertakbir dan membesarkan-Nya.

Kenapa kita diperintahkan bertakbir dan bersyukur? Kita bertakbir kerana Allah SWT yang Maha Besar daripada segala sesuatu. Dialah Tuhan Yang Maha Agung, sementara kita hanyalah makhluk ciptaan-Nya yang berada di bawah kekuasaan-Nya.

Pada masa yang sama, kita juga diperintahkan untuk bersyukur. Kita bersyukur kerana Allah SWT mengurniakan kepada kita nikmat iman dan Islam, nikmat kehidupan, nikmat pancaindera serta nikmat keamanan sehingga kita dapat menyambut Eidulfitri dalam suasana gembira, tenang dan damai.

Alhamdulillah, sebagai hamba-Nya kita dapat berhari raya dengan menunaikan solat sunat Eidulfitri disamping mendengar khutbah. Kita juga dapat bermaaf-maafan, menikmati juadah hari raya dan mengenakan pakaian yang indah. Semua ini adalah nikmat yang wajib kita syukuri.

Sesungguhnya dalam hati dan fikiran kita, hanya Allah SWT Yang Maha Tinggi lagi Maha Besar.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 62 yang bermaksud:

"Demikianlah Allah sesungguhnya, Dialah Tuhan yang sebenar-benarnya. Dan sesungguhnya apa-apa sahaja yang diseru mereka selain Allah adalah batil. Dan sesungguhnya Allah, Dialah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya)."

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin-Muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Takbir raya yang kita laungkan bukan sekadar tanda kegembiraan dan kesyukuran kepada Allah SWT. Bahkan, ia turut mengingatkan kita kepada perjuangan Nabi Muhammad SAW bersama para sahabat *Radiallahuanhum* dalam mempertahankan agama Islam dan Kota Madinah daripada serangan 10,000 tentera al-Ahzab. Perjuangan besar yang berlaku pada bulan Syawwal tahun kelima Hijrah ini menjadi bukti bahawa kemenangan dan kemuliaan umat Islam datang daripada keimanan, kesabaran dan pertolongan Allah SWT.

Dengan keimanan yang teguh serta kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW bersama para sahabat *Radiallahuanhum*, Islam di Madinah tetap terpelihara. Melalui semangat musyawarah dan kerjasama, penduduk Madinah berhempas pulas mempertahankan kota mereka. Akhirnya, dengan kekuasaan dan pertolongan Allah SWT, tentera al-Ahzab berjaya ditewaskan.

Allah SWT telah mengabadikan peristiwa ini dalam surah al-Ahzab sebagai pengajaran kepada umat Islam sepanjang zaman. Ia mengingatkan kita bahawa iman, kesabaran dan tawakkal kepada Allah SWT akan

membawa kepada kejayaan serta menjauhkan kita daripada kegagalan. Justeru, bulan Syawal yang kita raikan ini juga menjadi simbol kemenangan setelah umat Islam menempuh madrasah Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan kepada keampunan Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 22 yang bermaksud:

"Dan ketika orang yang beriman melihat tentera al-Ahzab, mereka berkata, "Inilah yang telah dijanjikan oleh Allah dan Rasul-Nya kepada kami. Benarlah (apa-apa yang telah dijanjikan) Allah dan Rasul-Nya."(Angkatan tentera musuh yang dilihat oleh mereka) itu tidak memberi sebarang kesan selain menambahkan iman dan penyerahan diri mereka kepada Allah."

Dalam sebuah hadis yang lain, Abdullah bin Umar *Radiallahuanhuma* meriwayatkan bahawa Nabi SAW bertakbir sebanyak tiga kali, kemudian Baginda membaca:

آيُبُونَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَائِبُونَ، عَابِدُونَ حَامِدُونَ، لِرَبِّنَا
سَاجِدُونَ، صَدَقَ اللَّهُ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ
وَحْدَهُ

"Kami kembali, insya-Allah, dalam keadaan bertaubat, beribadah, memuji Tuhan kami dan bersujud kepada-Nya. Allah telah menepati janji-Nya, Allah menolong hamba-Nya, dan Allah mengalahkan golongan-golongan (musuh) dengan sendirian."

(Riwayat al-Bukhari).

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin-Muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Peristiwa peperangan al-Ahzab mengajar kita bahawa orang yang benar-benar beriman tidak takut dan tidak goyah berhadapan dengan musuh Allah SWT, sama ada dari luar mahupun godaan dari dalam diri. Bahkan ujian tersebut menambahkan lagi iman dan pergantungan mereka kepada Allah SWT. Inilah hakikat iman dan tawakkal sebenar yang perlu dijiwai oleh umat Islam hari ini.

Ramadhan yang telah kita lalui hakikatnya mendidik jiwa dengan kesabaran, disiplin dan keyakinan. Puasa tidak melemahkan umat Islam, bahkan menguatkan rohani dan jasmani untuk terus cekal menghadapi cabaran kehidupan. Oleh itu, setelah solat, puasa dan beribadah sepanjang Ramadhan hendaklah disusuli dengan tawakkal kepada Allah SWT serta penyerahan diri kepada-Nya.

Sesungguhnya, Syawwal yang kita raikan ini bukan sekadar bulan kegembiraan, tetapi permulaan baharu untuk kembali kepada fitrah dan terus memperkukuh ketaatan kepada Allah SWT dengan menjadi insan yang lebih bertakwa, lebih teguh melaksanakan perintah-Nya dan lebih tegas meninggalkan perkara yang dilarang-Nya.

Maka teruskanlah perjuangan mengamalkan Islam secara keseluruhan dalam kehidupan diri, keluarga dan masyarakat. Sentiasalah bertaubat kepada Allah SWT, peliharalah solat, jagalah aurat dan hidupkanlah semangat muafakat agar kehidupan sentiasa diberkati.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 208 yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam secara keseluruhannya dan janganlah kamu turuti langkah-langkah syaitan! Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagimu."

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin-Muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah Eidulfitri pada pagi ini, marilah kita hayati pengajaran berikut untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah membesarkan dan mengagungkan Allah SWT dengan penuh keimanan melalui lafaz takbir, tahmid dan rasa syukur atas nikmat iman, Islam serta kesempatan menyempurnakan ibadah puasa di bulan Ramadhan.
2. Umat Islam hendaklah mencontohi keteguhan iman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat dengan bersabar, bertawakkal dan tidak gentar menghadapi cabaran serta ujian dalam mempertahankan agama Allah SWT, dan menyuburkan suasana Islam dalam institusi keluarga dan masyarakat.
3. Umat Islam hendaklah menjadikan bulan Syawwal sebagai permulaan baharu untuk kembali kepada fitrah dengan terus meningkatkan ketaatan kepada Allah SWT, melaksanakan perintah-Nya, meninggalkan larangan-Nya serta mengamalkan Islam secara menyeluruh dalam kehidupan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي صَدَقَنَا وَعْدَهُ وَأَوْرَثَنَا الْأَرْضَ نَتَّبِعُ مَنْ
الْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَاءُ فَنِعْمَ أَجْرُ الْعَمِلِينَ .

"Dan mereka berkata, "Segala puji bagi Allah yang telah menepati janji-Nya kepada kami dan menjadikan kami mewarisi bumi syurga ini dengan sebarangnya, kami boleh tinggal di mana-mana sahaja yang kami sukai di syurga ini. "Maka pemberian (syurga) itulah sebaik-baik balasan bagi orang yang beramal (soleh)".

(Surah al-Zumar: 74).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ
هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ مُعِيدِ الْجَمْعِ وَالْأَعْيَادِ، وَمُبِيدِ الْأُمَمِ وَالْأَجْنَادِ،
وَجَامِعِ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ، إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَفْضَلُ عَلَى جَمِيعِ الْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin Muslimat yang dimuliakan,

Setelah sebulan bermujahadah, berpenat-lelah dalam melaksanakan ibadah Ramadhan, janganlah kita cemari Eidulfitri dengan perkara keji atau sifat buruk dalam diri. Teruskan membaca dan mentadabbur al-Quran setiap

hari, beribadah, bersedekah serta mengimarahkan masjid dan surau dengan solat berjemaah.

Sesungguhnya, Eidulfitri mengajar kita meneruskan kebaikan yang telah dibiasakan agar menjadi budaya. Ia juga mengingatkan kita kepada fitrah manusia untuk hidup dalam perdamaian, kerukunan, dan keharmonian, sambil menjauhkan diri daripada berita palsu, fitnah, hasad dengki, caci-mencaci, dan hasut-menghasut.

Penuhilah amalan ziarah Eidulfitri dengan pengisian, pergaulan yang mesra, membina dan mendamaikan. Elakkan perdebatan isu-isu hangat yang menyebabkan pertelingkahan dan pergaduhan.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِاَسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ

وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدٍ سَلَاطُور، تَغْكُو أَمِير شَاهِ إِبْنِ
السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِی أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِیَةِ بِمَنْتِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِذْفَعْ عَنَّا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ
مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ
